

# 'Tingkat kecekapan dalam industri E&E'

Anwar mahu Malaysia kekal sebagai hab semikonduktor global

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my

**Kulim:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia perlu bergerak lebih pantas dalam meningkatkan industri elektrik dan elektronik (E&E) bagi mengekalkan kedudukan negara sebagai pengeluar utama semikonduktor dunia.

Perdana Menteri menegaskan, sektor E&E menjadi antara industri penting kepada Malaysia dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara sejak mula diperkenalkan pada era 70-an.

Katanya, keyakinan pelabur dapat dilihat apabila syarikat gergasi semikonduktor dari Jerman, Infineon Technologies AG, bersetuju meningkatkan pelaburannya melalui pembinaan fasiliti tambahan bernilai lebih RM34 bilion.

"Saya percaya semua pihak berkongsi pandangan sama di mana kita tidak boleh meletakkan sasaran menjadi pemain industri yang berjaya dalam teknologi baharu jika kita masih bekerja pada tahap sama.

"Terdapat beberapa cabaran lain, tetapi saya yakin kerajaan akan melakukan apa sahaja untuk sentiasa bekerjasama bersama pelabur dalam memastikan negara ini sentiasa menarik buat pelabur," katanya pada Majlis Perasmian Bangunan Baharu Infineon Technologies (Kulim) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri



"Projek luar biasa Infineon ini akan perkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab semikonduktor global"

Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri

Zafrul Abdul Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif Infineon Technologies AG, Jochen Hanebeck.

Anwar berkata, kemudahan baharu milik Infineon itu akan meningkatkan imej Malaysia pada peringkat global dalam menarik lebih banyak pelaburan bertaraf dunia.

Katanya, Malaysia kini berbangga apabila kemudahan pengeluaran semikonduktor milik Infineon adalah yang terbesar di dunia dan hasil produknya dieksport ke peringkat global.

"Projek luar biasa Infineon ini akan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab semikonduktor global yang semakin meningkat dan ini menjadi daya tarikan utama pelabur ke negara ini.

"Ini juga akan menyokong usaha Malaysia dalam meningkatkan kecekapan dalam pelbagai industri lain, termasuk dalam bidang pembuatan kereta elektrik, bateri dan tenaga boleh diperbaharui," katanya.

## Kekal hubungan diplomatik

Sementara itu, ketika berucap ketika Sesi Dialog Belanjawan 2025 Bersama Pemain Industri Elektrik dan Elektronik, Perdana Menteri melahirkan keyakinan pendekatan Malaysia yang tegas dalam konflik Palestin-Israel dijangka tidak memberi kesan negatif kepada pertumbuhan industri E&E di negara ini.

Katanya, ini kerana Amerika Syarikat (AS) kekal menjadi an-

tara pengeksport utama produk E&E, terutama semikonduktor apabila 26 peratus bahan itu dieksport ke negara terbabit.

Katanya, berikutan itu kerajaan akan mengekalkan hubungan diplomatik bersama AS dan pada masa sama meningkatkan hubungan bersama China dan Jerman.

"Walaupun pendirian kita mengenai Gaza berbeza dengan AS, kita tetap menjaga kepentingan dalam pelaburan bagi membolehkan ekonomi negara terus berkembang.

"Pada masa sama kita juga melihat kepada China terutama dalam industri E&E dan kenderaan elektrik (EV) kerana China kini ke hadapan dari segi kos dan kecekapan, terutama dalam pengeluaran bateri," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, bagi meningkatkan keupayaan industri E&E, kerajaan akan memperkasa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang sedang dilaksana Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, kerajaan juga sedia mempertimbangkan penubuhan fakulti kejuruteraan di Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi memastikan bekalan tenaga kerja jangka panjang.

"Masih terdapat banyak ruang untuk kita menambah baik industri E&E, jadi apa saya lakukan ialah minta bandingkan dengan Singapura, Thailand, Vietnam dan Indonesia," katanya.